

05/08/1998

Lima cara rakyat boleh bantu: PM

Saodi Mat Atar

JOHOR BAHRU, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggariskan lima langkah penting yang boleh dilakukan setiap rakyat bagi membantu kerajaan menangani krisis ekonomi secara lebih berkesan.

Perdana Menteri berkata, langkah itu ialah tidak menyimpan wang di luar negara; mengurangkan pembelian barangan import; tingkatkan eksport; simpan wang di bank tempatan dan jual harta di luar negara bagi membolehkan wangnya disimpan dalam negara.

Dr Mahathir yakin krisis ekonomi yang melanda negara boleh diatasi jika semua rakyat terus memberi kepercayaan dan sokongan jitu kepada kerajaan.

Beliau juga mengingatkan rakyat agar bersyukur kerana suasana tetap aman dan tidak berlaku ketegangan kaum dalam keadaan ekonomi sekarang, sekali gus membolehkan kerajaan berusaha menyelesaikan masalah itu.

"Oleh itu, sokongan rakyat pelbagai kaum perlu supaya masalah yang dihadapi ini dapat diatasi secepat mungkin," katanya pada perhimpunan bersama rakyat di Stadium Tertutup Majlis Bandaraya Johor Bahru di sini, petang ini.

Majlis anjuran kerajaan Johor dan Badan Perhubungan Umno negeri itu diadakan sempena lawatan kerja sehari Perdana Menteri ke sini.

Turut hadir isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman dan isteri, Datin Prof Jamilah Ariffin dan pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN), pegawai kerajaan dan pemimpin masyarakat.

Perdana Menteri bercakap panjang lebar mengenai isu kegawatan ekonomi dalam ucapan lebih sejam itu bagi menerangkan bagaimana mata wang negara dipermain-mainkan pedagang mata wang dalam usaha Barat menjajah semula negara ini.

Dr Mahathir turut mengingatkan rakyat supaya tidak mudah terpengaruh dengan dakwah pedagang mata wang asing yang sengaja berniat jahat dan terus menerus menekan ekonomi negara.

Beliau sendiri tidak pernah berdepan dengan masalah lebih berat daripada menyelesaikan kegawatan ekonomi kali ini, sekali pun negara pernah menghadapi masalah kemelesetan ekonomi pada tahun 80-an.

Menurutnya, pelbagai taktik termasuk tekanan ke atas ringgit, saham syarikat dan menyekat pinjaman dilakukan oleh golongan terbabit untuk memusnahkan negara ini.

"Oleh itu, saya merayu rakyat tidak mudah terpengaruh dengan hasutan mereka kerana niat mereka hanyalah semata-mata ingin menjatuhkan kerajaan.

"Jika kerajaan jatuh, huru hara mungkin berlaku sekali gus kita tidak dapat bersaing dengan mereka. Itulah matlamat mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata, pembangunan negara ini dibentuk mengikut acuan rakyat tempatan dan bukannya mengikut telunjuk orang asing.

"Kita makmur, kita kaya dan membangun seperti negara lain adalah hasil kerja keras kita sendiri. Oleh itu, setiap rakyat perlu terus bersatu padu bagi menjamin keharmonian bangsa dan negara," katanya.

Dalam lawatan sehari itu, Perdana Menteri dan isteri turut melawat pameran jambatan Sungai Johor dan pembangunan Desaru di Hotel Sofitel, Senai disusuli jamuan malam bersama jawatankuasa Badan Perhubungan Umno negeri.

Beliau kemudian mengadakan perjumpaan tertutup bersama ketua Umno, pemimpin Pergerakan Pemuda dan Wanita serta pegawai penerangan Umno negeri di tempat yang sama, sebelum berlepas pulang.

(END)